

11/11/1998

Mahathir mahu pengganti teruskan wawasan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau perlu menyediakan landasan yang kukuh bagi membolehkan penggantinya meneruskan dasar pembangunan negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

"Apa yang saya ingin lihat ialah Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Untuk itu, kita mesti meletakkan asas yang kukuh... langkah dan dasar harus disempurnakan bagi membolehkan pengganti saya meneruskannya," katanya dalam wawancara eksklusif dengan rangkaian kabel satelit, CNN International, malam ini.

Wawancara selama setengah jam itu, dikendalikan Lorraine Hahn dari Biz Asia dan disiarkan secara langsung.

Dr Mahathir yang memimpin Malaysia dengan berjaya selama 17 tahun, juga berkata beliau tidak hirau sama ada orang akan mengingatnya atau tidak, tetapi yang penting semua yang dirancang berhasil.

"Saya tidak penting, saya berada di sini sekadar sementara," katanya ketika ditanya bagaimana beliau mahu diingati.

Ditanya adakah beliau risau mengenai calon penggantinya yang sehingga kini masih tidak dilantik, Dr Mahathir berkata, beliau yakin parti mampu memutuskan pemimpin yang sesuai.

Dr Mahathir juga sebelum itu ditanya berapa lama lagi beliau berhasrat menjadi Perdana Menteri kerana beliau sekarang adalah Perdana Menteri yang paling lama berkhidmat di Asia.

Menurut Dr Mahathir, beliau memang berhasrat untuk bersara seawal mungkin tetapi sebelum itu beliau mempunyai tanggungjawab untuk memastikan penggantinya dapat meneruskan usaha yang dilaksanakannya.

"Ia mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun lagi kerana tahun depan ada pemilihan Umno," katanya.

Mengenai kemungkinan beliau akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal jika gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat sambutan yang lebih meluas, Dr Mahathir yakin perkara itu tidak akan berlaku.

"Saya tidak fikir gerakan reformasi itu akan berjaya menjadi satu pergerakan yang besar. Pada masa ini, ia hanya membabitkan segelintir rakyat dan satu kumpulan minoriti," katanya.

Ditanya sama ada beliau bersedia menerima Anwar jika beliau didapati tidak bersalah, Dr Mahathir berkata, Anwar boleh menubuhkan partinya sendiri.

Dr Mahathir mengakui bahawa Anwar perlu diberi pujian dalam usaha kerajaan memulihkan ekonominya kerana ketika dalam kerajaan, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu melakukan kerjanya dengan baik.

"Apa yang dia buat adalah baik, walaupun ada ketikanya saya tidak bersetuju.

"Sebagai contoh, beliau cuba menggunakan strategi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kita setuju, sehinggalah kita terpaksa lari daripada IMF kerana strateginya didapati tidak berkesan," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya perjanjian konkrit yang mungkin dicapai pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 17 dan 18 November ini.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, beliau yakin pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak Apec di sini akan membincangkan isu mengenai

krisis mata wang.

"Saya tidak fikirkan perjanjian yang konkrit, tetapi saya pasti kita akan membincangkan isu itu secara serius," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika semua pemimpin tidak mencapai kata sepakat pada sidang kemuncak itu, maka `setiap seorang daripada kita akan berusaha membincangkannya apabila kita bertemu pada persidangan antarabangsa yang lain'.

Mengenai sesetengah pemimpin yang mengatakan mereka tidak akan mengadakan rundingan dua hala dengannya ketika Apec itu dan sama ada beliau menganggap ini sebagai satu halangan bagi Apec dan Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau tidak berfikir demikian.

"Adalah tidak mungkin bagi tuan rumah menemui 20 pemimpin kerajaan. Ketika saya diundang ke Seattle, saya tidak hadir. Sekali lagi ia tidak bermakna Apec berpecah," katanya.

Mengenai kritikan beliau terhadap pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros, yang didakwa menjadi punca kemelut ekonomi di rantau ini, Dr Mahathir tetap dengan pandangannya sebelum ini yang mengaitkan krisis itu dengan tindakan pedagang mata wang.

Beliau mengakui memang kerajaan ada melakukan kesilapan, tetapi tidaklah sampai boleh menyebabkan keruntuhan ekonomi.

"Kalau silap kita, ia dah berlaku lama dahulu," katanya.

(END)